

1019

PENGHUJAHAN QIRAAT BERASASKAN TULISAN MASHAF: APLIKASI SHEIKH NAWAWI BANTEN DALAM MARAH LABID

Ikmal Zaidi bin Hashim, Muhammad Farid Ravi Abdullah, Muhammad Izzat Ngah
Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ikmalzaidi@kuis.edu.my

ABSTRAK

Antara isu penting dalam menjadikan sesuatu qiraat itu diperakukan ialah kesesuaianya dengan tulisan atau rasm yang diaplikasikan dalam teks mashaf Al-Quran. Ia bermaksud sesuatu qiraat itu dikategorikan kepada mutawatirah dan shadhdhah berasaskan kepada persoalan adakah ia selari dengan apa yang tertulis dalam mana-mana satu mashaf yang telah disalin semula pada zaman Sayidina Uthman ibn Affan r.a. Kepentingan asas penghujahan ini melibatkan unsur al-Riwayah yang menjadi epistemologi ilmu Qiraat itu sendiri. Para pentafsir Al-Quran yang memuatkan pelbagai qiraat dalam karya mereka tidak terlepas daripada asas penghujahan ini yang bukan sahaja membuktikan keabsahan qiraat yang dijadikan hujah oleh mereka bahkan membuktikan keabsahan hujah mereka dalam mentafsirkan ayat-ayat Al-Quran berdasarkan makna-makna yang terhasil daripada qiraat yang pelbagai itu. Untuk itu kajian ini bertujuan meneliti teks Marah Labid karya Sheikh Nawawi Banten dan menganalisis secara induktif atau istidlaliyy fakta-fakta yang berkaitan qiraat dalam teks tersebut yang menjadikan tulisan mashaf sebagai hujah bagi qiraat tersebut. Selain itu penulis juga menghuraikan secara deduktif kenyataan-kenyataan bersifat al-Dirayah yang menyokong qiraat yang dijadikan hujah oleh Sheikh Nawawi. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa tulisan Mashaf merupakan sesuatu yang signifikan sebagai asas penghujahan qiraat dalam karya-karya ilmu Islam khasnya ilmu Tafsir selain memperkayakan pentafsiran Al-Quran itu sendiri.

Kata Kunci: Penghujahan Qiraat, Tulisan Mashaf, Marah Labid

1. PENDAHULUAN

Qiraat yang wujud pada masa *al-Maṣāḥif al-‘Uthmāniyyah* ditulis ialah qiraat yang dibaca dan diriwayatkan oleh para sahabat r.a daripada Nabi s.a.w dan para *qurrā’* dalam kalangan sahabat. Kewujudan *al-Suhuf* yang dikumpulkan pada zaman Sayidina Abū Bakr al-Siddiq r.a. hanya bertujuan mewujudkan rujukan bertulis dan tersusun daripada bertebaran dalam bentuk pelepah tamar, tulang dan batu leper. Tiada sebarang arahan daripada khalifah untuk berpegang atau meninggalkan mana-mana qiraat sama ada yang selari atau tidak selari dengan tulisan *al-Suhuf* tersebut. Ini menunjukkan *al-Ahruf al-Sab‘ah* masih kekal dalam bentuknya yang asal dan tidak berubah dan terkesan dengan penulisan *al-Suhuf* tersebut, bahkan *al-Maṣāḥif al-Fardiyyah* masih menjadi rujukan para sahabat (Muhayisin 1989: 1/434-435). Qiraat yang mungkin dinasakhkan pada *al-‘Ardah al-Akhirāh* (bacaan terakhir Rasulullah s.a.w dengan Jibril a.s) juga masih dibaca khususnya oleh yang tidak menyaksikannya kerana berada di luar Madinah. Tetapi selepas itu kepelbagaian qiraat semakin lama semakin mendatangkan masalah kerana wilayah Islam semakin luas, umat Islam setiap wilayah telah terbiasa dengan bacaan sahabat-sahabat tertentu dan faktor-faktor lain yang mendesak agar Al-Quran disalin semula. Maka pada masa tersebut bermulalah hubungan di antara *al-Rasm al-‘Uthmāni* dengan qiraat yang pelbagai.

2. PENGHUJAHAN QIRAAT DAN TAFSIR BERASASKAN TULISAN MASHAF DI SISI PARA ULAMA

Antara perkara yang membuktikan kepentingan ilmu qiraat bagi seorang pentafsir Al-Quran ialah apabila ia dijadikan sebagai syarat sebelum seseorang pentafsir itu menceburi bidang pentafsiran Al-Quran. Menurut ‘Ādil (1424H: 540) yang dimaksudkan dengan syarat tersebut ialah seseorang pentafsir itu mestilah menguasai semua qiraat yang mempunyai hubungan dengan pentafsiran. Selain itu para ulama turut meletakkan beberapa syarat bagi pentafsir dalam berinteraksi dengan Qiraat.

Terdapat beberapa kaedah yang mesti diambil kira oleh seseorang pentafsir ketika berinteraksi dengan qiraat yang pelbagai. Kaedah-kaedah tersebut bertujuan memelihara kesucian dan kemuliaan Al-Quran bagi qiraat yang *mutawatirah* di samping mengiktiraf qiraat yang *shadhdhah* sebagai sumber pentafsiran yang tidak kurang pentingnya. Kaedah-kaedah tersebut telah diperincikan oleh ‘Ādil (1424H: 555). Antara kaedah yang penting ialah seseorang pentafsir itu mesti mengetahui meraikan *Rasm al-Mâshâf* semasa pentafsiran.

Salah satu daripada rukun qiraat ialah tidak menyalahi tulisan mashaf yang telah disepakati oleh para sahabat akan kesahihannya. Oleh kerana sesuatu makna boleh berubah disebabkan perubahan tulisan maka ia menjadi kesalahan metodologi bagi pentafsir sekiranya ia beralih atau meninggalkan makna atau pentafsiran yang selari dengan tulisan mashaf. Contohnya pada ayat 6 surah al-A‘la:

سُنْقِرُ ثُكَ فَلَا تَنْسَىٰٖ^۱

Terdapat ahli tafsir yang berpandangan bahawa ayat diatas bermaksud larangan iaitu Allah s.w.t telah melarang Nabi Muhammad s.a.w daripada melupakan ayat Al-Quran yang telah diturunkan kepada baginda. Pentafsiran ini didapati menyalahi makna dan bertentangan dengan tulisan mashaf. Ini disebabkan jika ia membawa maksud larangan maka kata kerja selepasnya menjadi *majzum* (فلا تنس) dan ini menyalahi tulisan mashaf maka makna yang sebenar berdasarkan tulisan mushaf ialah penafian bukan larangan.

3. APLIKASI SHEIKH NAWAWI BANTEN DALAM *MARAH LABID*

Sheikh Nawawi Banten telah berinteraksi dengan pelbagai qiraat dalam *Marah Labid*. Dalam interaksi tersebut kita dapati beliau meraikan tulisan mashaf sebagai memperkuuhkan hujahnya khasnya yang berkaitan dengan qiraat. Penulis membuat penelitian terhadap kenyataan-kenyataan Sheikh Nawawi Banten berkaitan penghujahannya dalam *Marah Labid* berdasarkan kepada qiraat yang berdasarkan tulisan mashaf.

3.1 Berhujah berdasarkan kesamaan antara qiraat dengan tulisan mashaf

Dalam mentafsirkan surah al-Maidah ayat 53:

وَيَقُولُ الَّذِينَ ءَامَنُوا أَهُؤُلَاءِ الَّذِينَ أَقْسَمُوا بِاللَّهِ جَهْدَ أَيْمَانِهِمْ...

Sheikh Nawawi menyatakan bahawa:

قرأه عاصم وحمزة والكسائي بالرفع مع إثبات الواو كما في مصاحف أهل العراق على الاستئناف. وقرأ نافع وابن كثير وابن عامر بالرفع مع حذف الواو كما في مصاحف أهل الحجاز والشام. على أن الجملة مستأنفة استئنافاً بيانياً في جواب سؤال نشأ من قوله تعالى : فَعَسَى اللَّهُ أَنْ يَأْتِي بِالْفَتْحِ كَأْنَ الْقَاتِلَ يَقُولُ : فَمَا ذَا يَقُولُ الْمُؤْمِنُونَ حِينَئِذٍ؟ فَقَيلَ : يَقُولُ الَّذِينَ آمَنُوا إِلَخ.

Beliau memperkatakan bahawa qiraat mutawatirah yang terdapat pada lafaz iaitu dengan ada huruf waw. Ini merupakan qiraat ‘Āsim, Hamzah dan al-Kisa’iyy yang merupakan para imam Qiraat di Kufah. Qiraat ini bertepatan dengan tulisan mashaf yang

digunakan oleh masyarakat Islam di Iraq. Begitu juga qiraat mutawatirah yang kedua iaitu tanpa huruf di awal perkataan. Ini merupakan qiraat Nafi‘, Ibn Kathir dan Ibn ‘Āmir dan qiraat ini bertepatan dengan tulisan mashaf yang digunakan oleh umat Islam di Hijaz dan Sham. Ketiga-tiga imam qiraat tersebut merupakan tokoh qiraat di Mekah, Madinah dan Sham.

Selain itu Sheikh Nawawi Banten turut memberikan tawjih bagi kedua-dua qiraat tersebut sebagai hujah dalam pentafsirannya. (Sheikh Nawawi 1997: 1/275).

Manakala dalam surah al-A‘raf ayat 43:

وَنَزَّلْنَا مَا فِي صُدُورِهِمْ مِنْ غِلْيٍ تَجْرِي مِنْ تَحْتِهِمُ الْأَنْهَرُ وَقَالُوا لَهُمْ أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي هَدَنَا
لِهَذَا وَمَا كُنَّا لِنَهَتِدِي لَوْلَا أَنْ هَدَنَا اللَّهُ ...

Dalam mentafsirkan ayat ini Sheikh Nawawi (1997:1/371) menyatakan bahawa:

قرأ ابن عامر «ما كنا» بغير واو كما في **مصالح** أهل الشام وذلك ، لأنَّه جار مجرى التفسير
قوله : هَدَانَا لِهَذَا فلما كان أحدهما عين الآخر وجب حذف الحرف العاطف

Terdapat qiraat Ibn ‘Āmir yang membaca tanpa huruf *waw* sebelum frasa dan ini bertepatan dengan mashaf bagi penduduk Sham di samping beliau menyatakan *tawjih* bagi qiraat tersebut iaitu *hadhf al-Harf al-‘Ātif* (menghilangkan huruf *waw*) disebabkan frasa tersebut dianggap sebagai pentafsiran kepada frasa هَدَانَا لِهَذَا maka ia dianggap perkara yang sama.

3.2 Berhujah berdasarkan tulisan mashaf bagi menyokong sebahagian qiraat

Seperti dalam pentafsiran surah *al-Fajr* ayat 4:

وَاللَّيلُ إِذَا يَسِرَ ،

Sheikh Nawawi menyatakan:

وقرأ نافع : وأبو عمرو بحذف ياء يسر وفأ وبإثباتها وصلا ، وأثبتها ابن كثير في الحالين ،
وحذفها الباقون في الحالين لسقوطها في خط **المصحف** الكريم

Dalam perenggan ini Sheikh Nawawi memberikan *tawjih* bagi qiraat yang membaca dengan *hadhf al-Ya'* atau menghilangkan huruf Ya dengan berhujah bahawa ia sememangnya tidak ditulis dalam mashaf. Walau bagaimanapun beliau tidak menghuraikan qiraat yang selainnya sedangkan ia juga *mutawatirah* (Sheikh Nawawi 1997:2/628).

Begitu juga dalam surah *al-Qari‘ah* ayat 10:

وَمَا أَدْرَنَاكَ مَا هِيَةً ..

Sheikh Nawawi (1997:2/659) mengatakan:

وَمَا أَدْرَاكَ مَا هِيَةً (10) أَيْ وَأَيْ شَيْءٍ أَعْلَمُ يَا أَكْرَمُ الرَّسُولِ مَا هَاوِيهِ وَالْهَاءُ لِلسُّكْتِ وَقَرَأَ حَمْزَةُ فِي الْوَصْلِ بِغَيْرِ هَاءٍ وَوَقَفَ بِهَا ، وَالباقُونَ بِإثْبَاتِهَا وَصَلَا وَوَقَفَا لِأَنَّهَا ثَابِتَةٌ فِي الْمَحْفَظَةِ

Dalam mentafsirkan ayat di atas Sheikh Nawawi menjelaskan bahawa qiraat selain Hamzah membaca dengan *ithbat al-Ha'* atau menyebut huruf *Ha* kerana kewujudannya pada tulisan mashaf. Walau bagaimanapun beliau tidak menyebutkan *tawjih* qiraat tanpa *Ha* iaitu qiraat Hamzah walau pun pada zahirnya kelihatan ia bertentangan dengan tulisan mashaf. Sebenarnya kalimah tersebut merupakan salah satu kalimah yang ditulis huruf *Ha* yang dipanggil sebagai *Ha' al-Sakt* di hujungnya seperti yang dinyatakan oleh Sheikh Nawawi dalam kenyataannya di atas.

3.3 Berhujah berdasarkan kewujudan qiraat *shadhdhah* dalam mashaf peribadi para Sahabat

Sheikh Nawawi mentafsirkan surah Yunus ayat 71:

وَاتْلُ عَلَيْهِمْ نَبَأً نُوحِ إِذْ قَالَ لِقَوْمِهِ يَقُولُمْ إِنْ كَانَ كَبُرَ عَلَيْكُمْ مَقَامِي وَتَذَكِّرِي بِإِيمَانِ اللَّهِ فَعَلَى اللَّهِ تَوَكَّلُ فَأَجْمِعُوا أَمْرَكُمْ وَشَرَكَاءَكُمْ ثُمَّ لَا يَكُنْ أَمْرُكُمْ عَلَيْكُمْ عُمَّةٌ ثُمَّ أَقْضُوا إِلَيْهِ وَلَا تُنْظِرُونِ^{١١}

فَأَجْمِعُوا أَمْرَكُمْ أَيْ فَاعْزِمُوا عَلَى أَمْرِكُمُ الَّذِي تَرِيدُونَ بِي مِنَ السعيِ فِي إِهْلَاكِي وَشَرَكَاءِكُمْ أَيْ وَادْعُوا مِنْ يَشَارِكُونَكُمْ فِي الدِّينِ وَالْقَوْلِ ، أَوْ ادْعُوا أَوْثَانَكُمُ الَّتِي سَمِيتُمُوهَا بِالْأَلْهَةِ وَتَقْدِيرُ «ادْعُوا» هُوَ كَمَا فِي مَحْفَظَةِ أَبِي ، وَيَصْحُ أَنْ يَكُونَ وَ«شَرَكَاءِكُمْ» مَفْعُولاً مَعَهُ مِنَ الضَّمِيرِ فِي «فَاجْمِعُوا».

Dalam kenyataan di atas Sheikh Nawawi berhujah dengan mentafsirkan kalimah *وَشَرَكَاءَكُمْ* berasaskan qiraat *shadhdhah* iaitu terdapat kalimah seperti yang tertulis dalam mashaf peribadi kepunyaan Ubayy ibn Ka'b (Sheikh Nawawi 1997:1/492).

Selain itu beliau juga mentafsirkan surah al-Mujadilah ayat 7:

أَلَمْ تَرَ أَنَّ اللَّهَ يَعْلَمُ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ مَا يَكُونُ مِنْ نَجْوَى ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ وَلَا خَمْسَةٍ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَا أَدْنَى مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرٌ إِلَّا هُوَ مَعْهُمْ أَيْنَ مَا كَانُوا ثُمَّ يُبَيِّنُهُمْ بِمَا عَمِلُوا يَوْمَ الْقِيَمَةِ إِنَّ اللَّهَ بِكُلِّ شَيْءٍ عَلِيمٌ^٧

وَفِي مَحْفَظَةِ عَبْدِ اللَّهِ : «مَا يَكُونُ مِنْ نَجْوَى ثَلَاثَةٍ إِلَّا هُوَ رَابِعُهُمْ ، وَلَا أَرْبَعَةٌ إِلَّا هُوَ خَامِسُهُمْ ، وَلَا خَمْسَةٌ إِلَّا هُوَ سَادِسُهُمْ وَلَا أَقْلَى مِنْ ذَلِكَ وَلَا أَكْثَرٌ إِلَّا هُوَ مَعْهُمْ ، إِذَا أَخْذُوا فِي التَّنَاجِيِّ» ، أَيْ فَاللَّهُ تَعَالَى عَالَمٌ بِكَلَامِهِمْ وَضَمِيرِهِمْ ، وَسَرِّهِمْ وَعَلَنِهِمْ ، فَكَانَهُ تَعَالَى حَاضِرٌ مَعَهُمْ وَمُشَاهِدٌ لَهُمْ.

Sheikh Nawawi Banten dalam keterangan di atas telah berhujah dengan qiraat *shadhdhah* berdasarkan tulisan dalam mashaf 'Abd Allah ibn Mas'ud r.a. Qiraat tersebut berfungsi menjelaskan makna qiraat *mutawatirah*. (Sheikh Nawawi 1997:2/501)

Dalam surah al-Duha ayat 8:

وَوَجَدَكَ عَالِيًّا فَأَغْنَىٰ

وَوَجَدَكَ عَالِيًّا أَيْ فَقِيرًا كَمَا رُوِيَ أَنْ فِي مَصْحَفِ عَبْدِ اللَّهِ «وَوَجَدَكَ عَدِيمًا»

Sheikh Nawawi Banten telah mentafsirkan maksud عَالِيًّا dengan kerana ia terkandung dalam mashaf peribadi ‘Abd Allah ibn Mas‘ud r.a. (Sheikh Nawawi 1997:2/641).

Dalam surah al-Sharh ayat 5 dan 6:

فَإِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًاٰ إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًاٰ

قوله تعالى : إِنَّ مَعَ الْعُسْرِ يُسْرًا تكرير للتأكيد أو عدة مستأنفة بأن العسر مشفوغ بيسير آخر ، وفي **مَصْحَفِ** ابن مسعود جملة واحدة مرة واحدة قال الرازى : والمراد من **اليسرين**

Sheikh Nawawi Banten (1997:2/644) telah mentafsirkan bahawa ayat keenam yang berulang sebenarnya berfungsi sebagai penegas (*al-Ta'kid*) atau pengulangan yang bertujuan menunjukkan sesuatu unsur yang baru (*'iddah musta'nafah*). Ini membawakan makna bahawa terdapat satu kesenangan (*Yusran*) lagi (selain daripada yang terdapat dalam ayat kelima) yang mengiringi setiap kesukaran (*al-'Usr*). Beliau telah berhujah dengan tulisan mashaf peribadi ‘Abd Allah ibn Mas‘ud r.a.

3.4 Berhujah berdasarkan tulisan mashaf yang tidak selari dengan qiraat

Dalam ayat pertama dan kedua surah Quraysh:

لَا يَلِفِ قُرَيْشٌ إِلَّا لِفِهِمْ رِحْلَةُ الشِّتَاءِ وَالصَّيفِ ،

Sheikh Nawawi Banten (1997:2/665) dalam mentafsirkan ayat di atas menjelaskan bahawa:

وقرأ ابن عامر «للاف» قريش بغير ياء بعد الهمزة ، والباقيون بباء بعدها ، وأجمع الكل على إثبات الياء في الثاني أي لمؤلفتهم. قال ابن عادل : ومن غريب ما اتفق في هذين الحرفين أن القراء اختلفوا في سقوط الياء وثبتوها في الأول مع اتفاق **المصاحف** على إثباتها خطأ ، واتفقوا على إثبات الياء في الثاني مع اتفاق **المصاحف** على سقوطها منه خطأ ، فهذا أدل دليل على أن القراء متبعون الأثر والرواية لا مجرد الخط

Beliau menjelaskan bahawa qiraat Ibn ‘Āmir tanpa huruf *ya* sedangkan enam qiraat yang lain membaca dengan huruf *ya* manakala pada kalimah إِلَّا لِفِهِمْ semua tujuh qiraat membaca dengan huruf *ya* . Dalam hal ini Sheikh Nawawi membawakan pandangan Ibn

‘Ādil yang mengatakan bahawa terdapat keadaan yang menghairankan antara bacaan dan tulisan bagi kedua-dua kalimah tersebut. Pada kalimah pertama terdapat perbezaan bacaan dalam kalangan para Imam qiraat sedangkan semua mashaf menulis kalimah tersebut dengan huruf *ya*. Ini berbeza dengan kalimah kedua pada ayat kedua iaitu semua tujuh qiraat membaca dengan huruf *ya* sedangkan ia tidak ditulis dalam mana-mana mashaf. Situasi ini menunjukkan seolah-olah terdapat qiraat *mutawatirah* yang bertentangan dengan tulisan mashaf. Maka ini menunjukkan bahawa para *Qurra’* lebih mementingkan *al-Riwayah* berbanding tulisan semata-mata.

4. KESIMPULAN

Qiraat dan tulisan mashaf tidak dapat dipisahkan. Maka apabila sesuatu pentafsiran itu berhujahkan qiraat maka tulisan mashaf turut menjadi pertimbangan. Untuk itu para ulama tafsir perlu lebih mengutamakan qiraat yang selari dan sesuai dengan tulisan mashaf iaitu qiraat *mutawatirah* berbanding qiraat *shadhdhah* yang bertentangan dengan tulisan mashaf.

5. RUJUKAN

- ‘Ādil ibn ‘Ali al-Shiddiyy, “*Dawabit wa Āثار Isti‘anah al-Mufassir bi al-Qira’at*,” Jurnal Ilmu-ilmu Pendidikan dan Pengajian Islam, Universiti al-Malik Su‘ud, bil 1:2004: 529-51.
Muhammad ibn ‘Umar Nawawi al-Jāwi (1417H/1997M), *Marāh Labid li Kashf Ma‘na al-Qur’ān al-Majid*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
Muhaysin, Muhammad Sālim (1989), *Fi Rihāb al-Qur’ān al-Karim*, 2 j.Berut : Dār al-Jayl.